

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 April 2017

SOALAN

Tuan Chia Song Cheng minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian menyukat penglibatan OKU dalam ekonomi negara kita seperti di sektor swasta, penjawat awam dan syarikat berkaitan Kerajaan ataupun GLC dan apakah mekanisme sedia ada bagi memastikan usaha penyerapan OKU dalam pekerjaan tetap.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang DiPertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tiada menyukat secara langsung penglibatan OKU di dalam ekonomi negara kita kerana KPWK lebih menekankan kepada aspek kebajikan sosial OKU. Walau bagaimanapun, isu pekerjaan OKU memang menjadi agenda utama di dalam Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya. Jawatankuasa Pekerjaan MKBOKU yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia telah sentiasa berusaha untuk memastikan golongan OKU terlibat sama dalam ekonomi negara. Berdasarkan laporan yang telah dikemukakan program atau aktiviti yang dilaksanakan untuk memastikan OKU mendapat pekerjaan yang tetap adalah seperti: i. Jobs Malaysia telah mengadakan Karnival Pekerjaan setiap masa untuk menggalakkan OKU terlibat dalam sektor pekerjaan. ii. Program Return To Work di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Sehingga Mac 2017, seramai 2458 OKU telah mendapat manfaat daripada program ini. iii. Human Resource Development Fund sedang giat melaksanakan program OTEP (OKU Talent Enhancement Programme) dengan memberikan insentif kepada majikan yang memberikan latihan kepada OKU di alam pekerjaan. iv. Lembaga Hasil Dalam Negeri turut menawarkan insentif-insentif kepada majikan yang menggajikan OKU. Disamping itu juga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan beberapa mekanisma bagi menggalakkan penyerapan OKU di sektor pekerjaan samada swasta mahupun awam seperti berikut ; (a) Program kesedaran Disability Equality Training (DET) iaitu OKU sendiri memberi kesedaran dan meningkatkan pemahaman serta mengubah persepsi kepada majikan terhadap keupayaan dan kebolehan OKU melalui sesi ceramah dan mengadakan simulasi ketidakupayaan OKU. (b) perkhidmatan Job Coach disediakan untuk membantu pekerja OKU khususnya OKU Masalah Pembelajaran membuat penyesuaian dalam persekitaran kerja dengan mengambil kira keupayaan OKU agar dapat bekerja dengan selesa dan produktif. Sejak program ini dilaksanakan pada September 2012 hingga Mac 2017, seramai 603 OKU telah dibantu mendapat pekerjaan di pasaran pekerjaan terbuka. (c) Program Persiapan Pekerjaan diadakan kepada golongan pelajar lepasan sekolah dan mahasiswa OKU sebagai persediaan diri bagi memasuki alam pekerjaan. (d) Program Lestari Kerjaya dilaksanakan kepada penjawat awam OKU sebagai orientasi dan pembentukan kerja berpasukan serta motivasi untuk berkhidmat dengan cekap dan cemerlang. (e) Garis Panduan Pemadanan Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada OKU sedang dibangunkan dengan kerjasama daripada agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela kebajikan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010. Garis panduan ini boleh menjadi rujukan kepada Ketua-ketua Perkhidmatan, Pihak Berkuasa Melantik dan mana-mana agensi kerajaan untuk mengenal pasti perjawatan yang sesuai dengan keupayaan, kelayakan dan kemahiran OKU. (f) Task Force Pemantauan Isu-isu Ketidakupayaan turut memperjuangkan pertimbangan khas serta penyesuaian munasabah untuk membolehkan OKU berkhidmat di dalam sektor awam mahupun swasta. Pertimbangan khas bagi kemasukan OKU ke sektor awam adalah seperti melonggarkan syarat kelayakan umur, kelulusan kepujian dalam Bahasa Malaysia bagi OKU pendengaran, dan pertimbangan terhadap pengalaman dan kemahiran bekerja OKU. Disamping itu juga, penyesuaian munasabah kepada persekitaran mesra OKU seperti aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan yang berkonsepkan reka bentuk sejagat (universal design) dalam setiap reka bentuk perlu dilakukan agar kemudahan berkenaan boleh digunakan oleh semua pihak termasuk OKU. Justeru, agensi perlu prihatin terhadap penyediaan kemudahan sistem sokongan dan aksesibiliti di premis masing-masing. Secara kesimpulan, penglibatan OKU di dalam sektor pekerjaan perlu diberi perhatian oleh semua pihak sebagai tanggungjawab bersama bagi memenuhi komitmen kerajaan dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

